

11/06/2001

Bendahari Umno dilantik segera

SUBANG, Ahad - Bendahari Agung Umno yang baru bagi menggantikan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, akan dilantik secepat mungkin, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Secepat mungkin, kalau boleh. Bukan mudah (pelantikan ini). Yang mungkin ni kadang-kadang tak berapa mudah," katanya ketika ditanya sama ada pelantikan itu akan diumumkan sebelum Perhimpunan Agung Umno yang bermula 20 Jun ini.

Presiden Umno yang kini memangku jawatan Bendahari Agung parti itu berkata demikian kepada pemberita setibanya di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini hari ini, selepas mengadakan lawatan kerja empat hari ke Jepun.

Mengenai kemungkinan jawatan itu akan diisi pemimpin kanan Umno atau tokoh kewangan di luar parti seperti mana dilakukan apabila Daim dilantik ke jawatan berkenaan pada 1984, Perdana Menteri secara berseloroh memberitahu wartawan:

"Mana boleh saya cerita pada awak, awak orang luar (Umno)...mana boleh cerita."

Sejak pengesahan Dr Mahathir Selasa lalu bahawa Daim turut meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan, termasuk sebagai Bendahari Agung Umno, spekulasi turut hangat diperkatakan mengenai penggantinya dalam parti kerana Perhimpunan Agung Umno akan diadakan tidak lama lagi.

Ini kerana jawatan itu tidak mempunyai timbalan. Perhimpunan Agung Umno bermula dengan perhimpunan Pemuda dan Wanita pada 20 Jun ini. Sehari sebelum itu, Dr Mahathir dijangka menemui semua ketua bahagian.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai wujud perbalahan dalam MCA iaitu parti komponen kedua terbesar, berkisar kepada isu pengambilalihan Nanyang Press Holdings Berhad (Nanyang) yang mencetuskan kontroversi berikutan bantahan beberapa pemimpin parti itu serta masyarakat Cina, Perdana Menteri berkata, semua parti ada masalah tersendiri.

"Umno juga mempunyai masalah. Semua parti ada masalah...kita selesaikan masalah," katanya.

Mengenai kemungkinan isu kontroversi itu akan mengugat kestabilan Barisan Nasional (BN) seperti dikhuatiri oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata:

"Ya lah...kalau semua parti rosak, terjejaslah BN. BN macam parti lainlah."

Mengenai hasil lawatannya ke Jepun, beliau berkata, ia satu lawatan yang berjaya di samping berkesempatan melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) NTT (Perbadanan Telegraf dan Telefon Nippon) dengan melihat lebih dekat empat projek penyelidikan baru termasuk pembangunan kad pintar.

Katanya, beliau berkesempatan untuk menemui rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi.

(END)